

**TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TERHADAP BAHAN
DIGITAL DALAM SESI PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN MODEL HIBRID: KAJIAN KES PELAJAR
BAHASA ARAB DAN KESUSASTERAAAN ISLAM DI USIM**

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi¹, Annasaii Jamar¹, Mohd Izzuddin
Mohd Pisol¹, Mohd Amin Mohd Noh¹, Mohd Faez Ilias¹, Nurul
Nabila Atthirah Tahmil¹

ABSTRACT

The advancement of digital technology has transformed the landscape of education by introducing hybrid teaching and learning (T&L), which integrates face-to-face sessions with online learning. In this approach, digital materials, including videos, e-books, interactive applications, and collaborative platforms, play a vital role in enhancing students' understanding, motivation, and engagement. However, its effectiveness depends on factors such as digital literacy, device availability, internet access, and alignment with learning objectives. Therefore, the objective of this study is to analyse students' knowledge of digital materials and their usage in hybrid T&L sessions. This study is based on the Hybrid Model (2020) introduced by Troy Waller and the list of digital materials outlined by Ashutosh Chauhan (2018). Methodologically, the research employed a quantitative approach, involving 98 undergraduate students from the Bachelor of Arabic Language and Islamic Literature (SMBAKI) program at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), who participated in hybrid teaching and learning (T&L) sessions. The findings indicate that SMBAKI students at USIM demonstrated satisfactory knowledge and engagement in hybrid T&L using digital materials, with an overall mean score of 3.94. Hence, this study carries significant implications for teachers, students, institutions, and policymakers. Teachers may design more creative T&L activities while improving digital literacy, whereas students benefit from flexible, interactive, and collaborative learning opportunities to strengthen their 21st-century skills.

Keywords: *Digital materials, hybrid.*

[1]

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam
Selangor
salihinhafizi@uis.edu.my

PENGENALAN

Sebelum pandemik COVID-19 melanda, pembelajaran lazimnya dilaksanakan secara konvensional melalui kaedah bersemuka. Namun, penutupan institusi pengajian akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memaksa guru dan pelajar beralih kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara maya atau atas talian. PdP dalam talian melalui platform digital telah berkembang dalam dunia pendidikan sejak beberapa dekad lalu dan menjadi topik perbincangan penting (Reggie, 2013). Walau bagaimanapun, pembelajaran dalam talian menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat berkaitan kebolehcapaian, kapasiti, kebolehubahsuaian, serta cabaran yang timbul, seperti masalah teknikal dan kekangan sumber (Muhammad Adnan & Kainat Anwar, 2020).

Dalam tempoh PKP, istilah baharu iaitu *Home Based Learning* (HBL) atau Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diperkenalkan, merujuk kepada PdP yang dijalankan secara tidak langsung dan tanpa kehadiran fizikal di sekolah. Pelaksanaan HBL bergantung kepada pelbagai pendekatan teknologi dan bahan digital yang memerlukan pelajar memiliki tahap pengetahuan digital yang mencukupi untuk menggunakan bahan pembelajaran secara efektif. Menurut Krishnamurthy (2020), norma baharu ini memerlukan pendekatan luar biasa dalam pengurusan PdP. Justeru, manual PdPR dikeluarkan untuk menyusun semula Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), memastikan kaedah penyampaian dan pentaksiran disesuaikan dengan keadaan semasa (Ainul Afzan & Ishak, 2021).

Selepas beberapa fasa perubahan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan model pembelajaran secara hibrid sebagai inisiatif untuk membantu pelajar universiti menghadapi cabaran kos pengajian dan memberi ruang fleksibiliti dalam pembelajaran. Kaedah hibrid menggabungkan pembelajaran bersemuka dan dalam talian, yang secara langsung berkait rapat dengan pendidikan digital dan teknologi. Pendidikan digital merujuk kepada proses pengintegrasian teknologi digital dalam PdP untuk membantu guru mencapai matlamat pembelajaran dengan lebih efektif dan menarik minat pelajar (Mohd Amirul & Hafizhah, 2021). Kajian juga menunjukkan bahawa kaedah tradisional seperti kuliah sehala semakin kurang berkesan dalam membina pelajar yang seimbang daripada segi fizikal, emosi, rohani, dan intelektual. Justeru, pendekatan hibrid yang berasaskan teknologi digital menjadi lebih relevan (Shafiezul Shahaimi & Khalid, 2021).

Dalam konteks ini, tahap pengetahuan pelajar terhadap bahan digital menjadi faktor kritikal dalam kejayaan PdP menggunakan model hibrid. Literasi digital pelajar, termasuk kemahiran mengakses, menilai, dan menggunakan bahan digital secara efektif, menentukan sejauh mana mereka dapat memanfaatkan pendekatan pembelajaran tersebut (Mohd Amirul & Hafizhah, 2021). Kajian terkini menunjukkan bahawa walaupun pelajar universiti umumnya mempunyai tahap pengetahuan digital yang baik, terdapat jurang antara bidang pengajian serta cabaran capaian teknologi yang perlu ditangani untuk memastikan PdP hibrid berjalan lancar dan berkesan (Rahman & Ismail, 2024; Sulaiman & Hashim, 2023).

PERNYATAAN MASALAH

Disebabkan Revolusi Industri 4.0, guru dimestikan untuk mempunyai kemahiran yang pelbagai untuk menggunakan bahan digital. Strategi konvensional atau tradisional mesti diperbaharui untuk memenuhi matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini perlu dilakukan melalui anjakan ke 7: Memanfaatkan ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (PPPM 2013–2025). Pembelajaran digital ialah kaedah pendidikan yang menggunakan teknologi digital untuk mengajar dan belajar (Maimun Aqsha Lubis et al., 2021). Pendidik bukan sahaja digalakkan untuk menguasai pengetahuan kandungan, tetapi mereka juga diminta untuk mempelajari lebih lanjut tentang pedagogi dan ilmu teknologi untuk membantu mereka membina persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk abad ke-21 (You Eng & Choon Keong, 2019).

Peralihan mendadak kepada PdP secara dalam talian dan model hibrid sepanjang tempoh pandemik COVID-19 telah membawa cabaran besar kepada sistem pendidikan di Malaysia, khususnya dalam aspek penguasaan dan penggunaan bahan digital oleh pelajar. Walaupun teknologi digital dalam pendidikan bukanlah konsep baharu, lonjakan penggunaan teknologi secara menyeluruh semasa pandemik telah memperlihatkan jurang ketara dalam

tahap literasi digital pelajar serta kebolehcapaian kepada peranti dan sambungan internet yang stabil (Aquino-Meneses, 2023; Bernama, 2021).

Penggunaan dan pengetahuan pelajar terhadap teknologi masih di tahap yang tidak memberangsangkan. Ismail (2013) menyatakan bahawa isu ini berkaitan dengan kemahiran teknikal. Hal ini kerana pelajar perlu mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli peranti yang sesuai serta fasiliti dan prasarana tertentu untuk membolehkan pembelajaran dalam talian berjalan dengan lancar. Oleh kerana ledakan teknologi dan peredaran masa, guru perlu menjadi mahir dalam pelbagai bidang ilmu dan kemahiran untuk menjadi lebih terkehadapan daripada anak murid mereka.

Kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar menghadapi tekanan dan kesukaran menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran digital, lantas menjejaskan motivasi dan keberkesanan pembelajaran mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Selain itu, jurang digital yang wujud antara pelajar bandar dan luar bandar, serta antara bidang pengajian teknikal dan bukan teknikal telah menimbulkan cabaran dalam memastikan semua pelajar dapat mengakses dan menggunakan bahan digital secara optimum dalam PdP hibrid (Sarimah Surianshah, 2021; Sulaiman & Hashim, 2023).

Tambahan pula, kekurangan peranti elektronik dan sokongan teknologi yang tidak mencukupi turut menjadi halangan utama yang menghambat penglibatan pelajar dalam pembelajaran digital secara berkesan (UPSI, 2021). Oleh itu, tahap pengetahuan digital pelajar terhadap bahan pembelajaran digital menjadi faktor kritikal yang menentukan kejayaan pelaksanaan PdP secara hibrid. Kegagalan mengatasi cabaran ini berpotensi menjejaskan pencapaian akademik serta kesediaan pelajar menghadapi pendidikan abad ke-21 yang berteraskan teknologi digital (Mohd Amirul & Hafizhah, 2021; Rahman & Ismail, 2024).

Walaupun pelbagai cabaran dan jurang digital telah dikenal pasti dalam pelaksanaan PdP hibrid, ia juga membuka peluang untuk memperkukuh pembangunan kemahiran digital pelajar secara menyeluruh. Penekanan terhadap literasi digital bukan sahaja melibatkan penguasaan teknikal bahan digital, tetapi juga kemahiran kritikal seperti penilaian sumber, pengurusan maklumat, dan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab.

OBJEKTIF KAJIAN

Maka objektif dalam kajian ini adalah untuk menganalisis pengetahuan pelajar terhadap bahan digital yang sering digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran masa kini. Objektif ini adalah untuk melihat kepada aktiviti dan penglibatan pelajar dalam menggunakan bahan digital dalam sesi PdP.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan iaitu set soal selidik. Bagi persampelan, pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah digunakan, dan berdasarkan kajian ini, telah melibatkan 98 pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia. Pengkaji memilih lokasi ini disebabkan pengkaji mendapati bahawa pembelajaran hibrid telah dijalankan di beberapa universiti di Malaysia dan salah satunya ialah Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) (Nur Aisyah et al, 2022).

Instrumen dalam kajian ini ialah soal selidik, yang menjadi instrumen utama dalam memperolehi data-data berkaitan dengan responden yang berkaitan dengan latar belakang mereka dan menganalisis pengetahuan pelajar terhadap bahan digital. Sehubungan dengan itu, soal selidik ini distrukturkan kepada 4 bahagian yang bersesuaian dengan objektif kajian. Skala Likert 5 mata digunakan oleh pengkaji kerana susunan ia secara sistematik dan item-item jelas difahami. Skala Likert digunakan bagi membantu pelajar menentukan tahap persetujuan bagi setiap item. Pada soalan ini, telah disediakan lima pilihan yang terkandung dalam Skala Likert iaitu 1 sangat tidak setuju (STS), 2 tidak setuju (TS), 3 tidak pasti (TP), 4 setuju (S) dan 5 sangat setuju (SS).

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan dalam kajian ini menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap bahan digital berada pada tahap tinggi.

Jadual 1: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Bahan Digital

Item	STS	TS	SDS	S	SS	Min	S. P	Interpretasi
Saya mengetahui bahan digital....								
B1 terdiri daripada aplikasi, sistem, alatan, platfom dan gamifikasi.	2 2.0%	3 3.0%	26 26.3%	51 51.5%	17 17.2%	3.78	0.84	Tinggi
B2 mampu menyimpan serta berkongsi bahan pengajaran.	0 0%	2 2.0%	21 21.2%	50 50.5%	26 26.3%	4.01	0.75	Tinggi
B3 mampu mencipta video berkualiti tinggi dalam masa yang singkat.	0 0%	3 3.0%	24 24.2%	45 45.5%	27 27.3%	3.96	0.80	Tinggi
B4 menggalakkan pembelajaran berasaskan permainan.	0 0%	1 1.0%	25 25.3%	50 50.5%	23 23.2%	3.96	0.73	Tinggi
B5 mampu meningkatkan kemahiran pelajar ketika sesi PdP.	0 0%	3 3.0%	28 28.3%	42 42.4%	26 26.3%	3.92	0.82	Tinggi
B6 dapat mewujudkan	0	4	21	48	26	3.97	0.80	Tinggi

kolaborasi antara pensyarah dan pelajar sewaktu PdP hibrid.

0%	4.0%	21.2%	48.5%	26.3%
----	------	-------	-------	-------

B7 dapat mengukur prestasi dan tahap pengetahuan pelajar.

0	3	26	41	29	3.97	0.83	Tinggi
0%	3.0%	26.3%	41.4%	29.3%			

B8 dapat mewujudkan komunikasi antara pensyarah dan ibu bapa.

1	8	16	53	21	3.86	0.88	Tinggi
1.0%	8.1%	16.2%	53.5%	21.2%			

B9 dapat menyediakan platform pembentangan.

0	2	19	48	30	4.07	0.76	Tinggi
0%	2.0%	19.2%	48.5%	30.3%			

Berdasarkan data yang diperoleh, pelajar menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pelbagai fungsi dan keupayaan bahan digital dalam konteks PdP hibrid. Item dengan nilai min tertinggi (4.07) ialah kesedaran bahawa bahan digital menyediakan platform pembentangan, diikuti oleh pengetahuan bahawa bahan digital mampu menyimpan dan berkongsi bahan pengajaran (min = 4.01). Selain itu, pelajar juga menyedari peranan bahan digital dalam mewujudkan kolaborasi antara pensyarah dan pelajar (min = 3.97), serta keupayaannya mengukur prestasi dan tahap pengetahuan pelajar (min = 3.97). Kesedaran terhadap fungsi lain seperti penciptaan video berkualiti tinggi, galakan pembelajaran berasaskan permainan, peningkatan kemahiran pelajar, dan peningkatan kefahaman berbanding kaedah tradisional turut menunjukkan nilai min yang tinggi, di mana semuanya melebihi 3.7 dengan sisihan piawai yang sederhana, menandakan persepsi yang konsisten dalam kalangan pelajar. Hal ini menggambarkan bahawa pelajar mempunyai pemahaman yang baik dan komprehensif mengenai potensi bahan digital dalam menyokong PdP hibrid. Pelajar universiti menunjukkan tahap pengetahuan yang kukuh terhadap pelbagai fungsi bahan digital, yang mencerminkan kesiapsiagaan mereka untuk memanfaatkan bahan digital secara efektif dalam sesi PdP menggunakan model hibrid.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil dapatan mendapati bahawa bahan digital memberi impak yang tinggi dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui hasil dapatan yang telah dianalisis. Antara dapatan yang dapat dilihat ialah:

Pengetahuan Pelajar Terhadap Bahan Digital

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang umum bahawa bahan digital dapat menyediakan platform pembentangan. Hal ini kerana, bahan digital mempunyai pelbagai elemen yang bersesuaian dan mudah difahami untuk pembentangan secara fizikal, maya, ataupun hibrid. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi adalah untuk memudahkan cara PdP (KPT, 2011).

Pelajar juga mengetahui bahawa bahan digital mampu menyimpan serta berkongsi bahan pengajaran dengan lebih mudah dan selamat. Pada masa kini, buku jarang digunakan sebagai bahan pengajaran kerana pendidik dan pelajar lebih memilih platform dalam talian untuk meletakkan bahan PdP. Guru lebih gemar memuat naik nota berkaitan pengajaran ke laman sosial sebagai rujukan dan menggunakan e-book untuk mencari maklumat pengajaran yang akan dikongsikan kepada pelajar (Sallehin & Ab Halim, 2018).

Berdasarkan hasil kajian, penyelidik juga berpendapat bahawa bahan digital mampu mewujudkan kolaborasi antara pensyarah dan pelajar sewaktu PdP hibrid. Elemen yang terdapat dalam bahan digital mampu merapatkan hubungan antara pelajar dan guru (Mohd Salleh, 2020). Selain itu, pelajar mengetahui bahawa bahan digital mampu mengukur prestasi dan tahap pengetahuan pelajar. Penggunaan bahan digital dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam memahami subjek Bahasa Arab (Ibrahim, 2013).

Seterusnya, pengkaji dengan jelas menyatakan bahawa bahan digital dapat meningkatkan kefahaman pelajar berbanding kaedah konvensional iaitu *chalk and talk*. Penggunaan bahan digital sebagai media pengajaran dapat menjadikan sesi PdP lebih menarik, berkesan, lebih jelas, dan mudah difahami (Anas, 2013). Kenyataan ini disokong oleh Mohamed Nor Azhari Azman et al. (2014) bahawa tidak wajar untuk bagi pendidik era teknologi untuk meneruskan pengajaran dengan cara lama yang hanya bersandarkan buku teks dan *chalk and talk* semata-mata.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap bahan digital adalah tinggi dan meliputi pelbagai aspek penting dalam konteks Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berasaskan model hibrid. Pelajar bukan sahaja menyedari fungsi asas bahan digital seperti menyediakan platform pembentangan dan menyimpan serta berkongsi bahan pengajaran, malah mereka juga memahami peranan bahan digital dalam mewujudkan kolaborasi antara pensyarah dan pelajar, serta dalam mengukur prestasi dan tahap pengetahuan secara lebih sistematik. Pengetahuan ini membuktikan bahawa pelajar mempunyai kesiapsiagaan yang baik untuk menggunakan bahan digital secara efektif dalam pembelajaran moden yang menggabungkan elemen dalam talian dan bersemuka.

Namun, walaupun tahap pengetahuan bahan digital pelajar berada pada tahap yang memuaskan, beberapa cabaran masih wujud yang boleh menjejaskan penggunaan optimum bahan digital dalam PdP hibrid. Antaranya termasuklah kekangan teknikal, seperti masalah capaian internet dan peranti, serta keperluan latihan berterusan kepada pendidik agar mereka dapat memilih dan menggunakan bahan digital yang interaktif dan sesuai dengan konteks pembelajaran. Selain itu, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pelajar dalam aspek kritikal penggunaan bahan digital, seperti penilaian sumber maklumat dan pengurusan bahan pembelajaran secara efektif.

Oleh itu, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk memberi penekanan yang lebih besar terhadap pembangunan kemahiran dan pengetahuan bahan digital dalam kalangan pelajar dan pendidik. Ini termasuk menyediakan latihan berterusan, sokongan teknikal yang mencukupi, dan pemilihan bahan pembelajaran yang mampu meningkatkan motivasi serta penglibatan pelajar. Dengan pendekatan yang strategik dan holistik, pelaksanaan PdP berasaskan model hibrid yang menggunakan bahan digital dapat diperkasakan, sekali gus

menyokong pencapaian akademik yang lebih baik dan melahirkan pelajar yang celik teknologi serta bersedia menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Adnan, M., & Anwar, K. (2020). Online learning amid the COVID 19 pandemic: Students' perspectives. *Journal of Pedagogical Sociology and Psychology*, 2(1), 45–51. <https://doi.org/10.33902/JPSP.2020.261309>
- Ainul Afzan, M. A., & Ishak, N. A. (2021). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Panduan penyusunan RPT dan RPH*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Anas, S. (2013). *The effect of using visual aids as a motivational tool in enhancing students interest in reading literary texts*. University of Malaya.
- Aquino-Meneses, M. (2023). Jurang digital dalam sektor pendidikan: Satu tinjauan sistematik. *Jurnal Pendidikan Digital*, 7(1), 45-60.
- Azman, M. N. A., Salsidu, S.-Z., & Pratama, H. (2014). Penggunaan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: Satu sorotan literatur. *Isu Dalam Pendidikan*, 46, halaman tidak dinyatakan.
- Bernama. (2021). *Lonjakan digital dalam pendidikan ketika pandemik*. Berita Bernama.
- Ibrahim, N. H. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan* (Edisi ke-2). McGraw Hill Education Malaysia.
- Ismail, M. N. (2013). *E pembelajaran: Kebolehcapaian objektif pengajaran dan pembelajaran*. UTM ePrints.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Kajian keberkesanan pelaksanaan PdPR secara dalam talian*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2011). *Garis panduan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Krishnamurthy, S. (2020). The future of business education: A commentary in the shadow of the COVID 19 pandemic. *Journal of Business Research*, 117, 1–5. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2020.05.034>
- Mohd Amirul, A. R., & Hafizhah, H. (2021). Pendidikan digital: Integrasi teknologi dalam proses pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Digital Malaysia*, 3(1), 45-60.
- Muhammad Adnan, A., & Kainat Anwar, K. (2020). Cabaran pembelajaran dalam talian: Isu kebolehcapaian dan kebolehubahsuaian. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2), 112-125.
- Nur Aisyah Mohd Saufi, Wan Nur Anis Abdullah, Nur Hidayah Abdullah dan Prof. Madya Dr. Syed Najihuddin Syed Hassan. (2022). Potensi hibrid dalam pelaksanaan pembelajaran hibrid di institusi pendidikan: Mendepani cabaran era endemik. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022)*, 427.
- Rahman, F. A., & Ismail, M. A. (2024). Challenges and opportunities of hybrid learning in Malaysian universities post-pandemic. *Malaysian Journal of Higher Education*, 12(1), 89-105.
- Reggie, M. (2013). The evolution of online learning in higher education. *Journal of Digital Education*, 8(2), 45–58.
- Sallehin, S. A., & Ab Halim, F. (2018). Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1), 1-7. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4814>
- Sarimah Surianshah. (2021). Digital divide in education during COVID-19 Pandemic. *Jurnal Sistem Maklumat dan Teknologi Digital*, 3(2), 29-49.
- Shafiezul Shahaimi, & Khalid, F. (2021). Implementation of Islamic Education e learning: Pengenalan dan peranan. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 6, 53–68.
- Shafiezul Shahaimi, S. R., & Khalid, N. (2021). Keberkesanan kaedah pembelajaran tradisional dan digital dalam membina pelajar seimbang. *Jurnal Pendidikan Inovatif*, 5(2), 112-125.
- Sulaiman, N., & Hashim, N. H. (2023). Digital literacy and learning readiness among university students in Malaysia: A study on hybrid learning environment. *International Journal of Educational Technology*, 10(2), 123-137.
- UPSI. (2021). Isu dan cabaran pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 15(2), 100-115.
- You Eng, C., & Choon Keong, T. (2019). Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan di Malaysia: Satu kajian meta analisis. *Journal of ICT In Education*, 6, 86–95.